



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SELANGOR**

Menara NAZA TTDI
Tingkat 6, 12 dan 13
No. 11, Jalan Judo 13/45
Seksyen 13, 40100 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel: 603-5520 5200
Faks: 603-5520 5281
Laman Web:
<http://www.anm.gov.my/index.php/utama-selangor>

Ruj. Kami : JANM.SEL.A.400-1/3/12 (27)
Tarikh : 6 November 2020

**Ketua-Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Di Bawah Seliaan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Selangor**

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PINDAAN SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (SPANM)
BILANGAN 4 TAHUN 2019 – TATACARA PENGURUSAN AKAUN DEPOSIT**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Sebagai maklumat YBhg. Dato'/Tuan/Puan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah membuat pengemaskinian tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pejabat Perakaunan (AO) berkaitan penyelenggaraan laporan Akaun Deposit pada perenggan 9.3.1, Lampiran A, SPANM Bil. 4 Tahun 2019. **Perenggan 9.3.1 dipinda** seperti berikut:

Tindakan	PTJ	JANM Negeri/Cawangan dan Bahagian Akaun Kementerian
Rekod	Dua (2) salinan Sijil Pengesahan Baki dan Senarai Baki Pendeposit / Subsidiari.	Dua (2) salinan Sijil Pengesahan Baki dan Senarai Baki Pendeposit (B7 - Sub T).
Tempoh	Selewat-lewatnya 14 hari dari hari pertama bekerja bulan berikutnya.	Selewat-lewatnya 14 hari dari hari pertama bekerja bulan berikutnya.
Kemuka kepada	<ol style="list-style-type: none">Bahagian Akaun Kementerian bagi tujuan semakan dan penyediaan Sijil Pengesahan Baki dan Senarai Baki Pendeposit / Subsidiari Disatukan; danDisalinkan kepada JANM Negeri / Cawangan untuk semakan dan pemantauan.	BPOPA

3. Sehubungan dengan itu, YBhg. Dato'/Tuan/Puan juga adalah diingatkan berkenaan tanggungjawab PTJ YBhg. Dato'/Tuan/Puan untuk **memastikan pelaporan Akaun Deposit dikemukakan kepada Bahagian Akaun Kementerian**, dan disalinkan kepada JANM Negeri Selangor, mengikut tempoh yang telah ditetapkan dalam SPANM Bil. 4 Tahun 2019.

4. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah kami hargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

‘Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi’

Saya yang menjalankan amanah,



(AZMAYANTI BINTI MOHD ASSA'AD C.A.(M), ACMA, CGMA)

b.p. Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Selangor

No. Tel.: 03 5520 5201 No. Faks.: 03 5520 5281

E-mel: azmayanti@anm.gov.my